

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan jabatan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

4.1 Skop fungsi bidang tugas Pegawai Teknologi Maklumat secara umumnya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan kajian kesesuaian sistem maklumat organisasi yang sedia ada dan seterusnya menganalisis, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem maklumat yang digunakan di organisasi.
- b. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam melaksanakan fungsi tugas berdasarkan keperluan organisasi.
- c. Menjalankan analisis dan menjadi sumber rujukan dalam bidang tugas.
- d. Mengurus dan menggembeng beberapa projek ICT atau unit serta mensintesis pengurusan sumber, infrastruktur dan kewangan.
- e. Memimpin dalam pelaksanaan projek ICT seiring dengan misi, visi dan objektif organisasi.

4.2 Bidang tugas Pegawai Teknologi Maklumat boleh dibahagikan kepada tiga (3) bidang pengkhususan seperti berikut:

4.2.1 Aspek Pengurusan ICT

- a. Perancangan Strategik ICT
  - i. bertanggungjawab dalam mengenal pasti persekitaran bisnes semasa, mengenal pasti persekitaran ICT semasa, mengenal pasti hala tuju ICT serta menyediakan pelan tindakan untuk sesebuah organisasi.
- b. Pengurusan Projek
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang perancangan ICT serta melaksana, mengawal dan menilai projek-projek ICT termasuk projek yang lebih kompleks, besar dan berbilang.
- c. Pengurusan Maklumat
  - i. bertanggungjawab menyelaras sebarang perancangan ICT serta melaksana, mengawal dan menilai dasar pengurusan maklumat sesebuah organisasi.

4.2.2 Aspek Pembangunan Sistem

- a. Analisis Sistem
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras kajian kemungkinan dan analisis keperluan pengguna dan sistem termasuk pembangunan sistem yang lebih kompleks bagi sesebuah organisasi.
- b. Reka Bentuk Sistem
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang reka bentuk sistem mengikut hasil analisis termasuk pembangunan sistem yang lebih kompleks bagi sesebuah organisasi.
- c. Pelaksanaan Sistem
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang bentuk pemrograman, pengujian, latihan dan *roll out* yang melibatkan pembangunan sistem yang lebih kompleks untuk sesebuah organisasi.

- d. Penyelenggaraan Sistem
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras penyelenggaraan sistem serta pembangunan sistem yang lebih kompleksdi dalam sesebuah organisasi.
- e. Dokumentasi Sistem
  - i. bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang bentuk penyediaan dokumentasi di setiap peringkat pembangunan sistem serta pembangunan sistem yang lebih kompleks bagi sesebuah organisasi.

#### 4.2.3 Aspek Kepakaran Teknikal

- a. Keselamatan ICT
  - i. menjalankan kerja-kerja pemantauan keselamatan maklumat organisasi iaitu telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi serta kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT organisasi.
  - ii. menjalankan kerja-kerja analisis dan cadangan penyelesaian ke atas maklumat keselamatan ICT organisasi.
  - iii. menjalankan kerja-kerja pengurusan insiden.
  - iv. menjalankan kerja-kerja kesinambungan bisnes.
  - v. menjalankan kerja-kerja pengurusan audit keselamatan ICT.
  - vi. menggubal Dasar Keselamatan ICT organisasi.
- b. Pengurusan Pusat Data
  - i. mereka bentuk Pusat Data.
  - ii. melaksanakan tugas berkaitan urusan perolehan perkakasan, perisian dan lain-lain keperluan ICT.
  - iii. menjalankan kerja-kerja operasi Pusat Data.
  - iv. menjalankan kerja-kerja pengurusan kesinambunganbisnes termasuk pemulihan bencana (*disaster recovery*).
  - v. menguruskan operasi *Helpdesk*.

- c. Pengurusan Rangkaian
  - i. melaksanakan tugas-tugas mereka bentuk rangkaian dan telekomunikasi.
  - ii. membangun dan melaksana rangkaian dan telekomunikasi.
  - iii. menyelenggara serta mentadbir rangkaian dan telekomunikasi.
  - iv. memantau dan menganalisis keberkesanan penggunaan rangkaian dan telekomunikasi.
- d. Pentadbiran Pangkalan Data
  - i. mereka bentuk pangkalan data.
  - ii. membangun dan melaksana pengurusan pangkalan data.
  - iii. mentadbir dan menyelenggara pangkalan data.
  - iv. membuat analisis keberkesanan pengurusan pangkalan data.
- e. Keselamatan Data Maklumat dan Pemulihan Bencana
  - i. melaksanakan kerja-kerja operasi keselamatan maklumat organisasi yang meliputi telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi dan kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT organisasi.
  - ii. melaksanakan kerja-kerja analisis dan cadangan penyelesaian ke atas maklumat keselamatan ICT organisasi, kerja-kerja pengurusan insiden, pengurusan risiko, kesinambungan bisnes, pengurusan audit keselamatan ICT, menggubal dan memperaku dasar pengurusan keselamatan maklumat organisasi serta penggunaan teknologi pengurusan keselamatan maklumat organisasi.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Luaran**

- a. Orang awam, pelanggan.
- b. Jabatan/ agensi kerajaan yang lain.
- c. Syarikat swasta/ pembekal.

### **Dalaman**

- a. Rakan sekerja di pejabat/ unit dan bahagian yang sama.
- b. Pegawai dan kakitangan dalam organisasi yang sama.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam pejabat
  - i. kawasan pejabat.
  - ii. makmal komputer.

## **7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Kreatif, tekun dan sabar.
- b. Minat untuk meningkatkan pengetahuan di dalam bidang teknologi maklumat.
- c. Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat.
- d. Mampu menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Kemalangan ketika mengendali atau menyelenggara peralatan komputer.
- b. Terjebak dengan unsur penyelewengan dan rasuah.

Sumber : Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006.